

# Malaysia yakin tembusi pasaran Timur Tengah lebih hebat

JM 2 1 MAR 2002

Daripada

KAMARUZZAMAN MOHAMAD

BANDARAYA KUWAIT 20 Mac — Malaysia yakin akan dapat menembusi pasaran Timur Tengah secara lebih hebat lagi dengan pembukaan pusat perdagangan dan pengedaran di Bahrain iaitu yang kedua bagi rantau Asia Barat, tahun depan.

Duta Besar Malaysia ke Kuwait, Datuk Ismail Mustapha berkata, pusat tersebut yang merupakan sebuah bangunan dua tingkat dan lebih besar daripada di Dubai sekarang.

Tambahnya, upacara pecah tanah pusat perdagangan dan pengedaran itu dijangka akan dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sempena lawatannya ke Bahrain bulan depan.

"Pusat ini apabila siap kelak akan mempamer dan memasarkan segala jenis barangan keluaran Malaysia seperti perabot, barangan elektrik dan elektronik serta tekstil," katanya kepada wartawan Malaysia yang berkunjung ke pejabatnya di Surra di sini, hari ini.

Rombongan wartawan seramai sembilan orang itu yang diketuai oleh Ketua Pengarah Bernama, Jaafar Hussin aklalah dalam rangka lawatan selama sepuluh hari ke bandar raya ini di atas jemputan kerajaan Kuwait untuk meninjau perkembangan selepas 12 tahun negara itu diserang oleh jirannya Iraq.

Duta Besar Malaysia itu yang

juga bertanggungjawab ke atas Bahrain dan Qatar menambah, pemilihan Bahrain sebagai pusat perdagangan dan pengedaran ke dua di rantau Asia Barat kerana ia merupakan pusat perbankan pesisir pantai yang terkemuka di samping kedudukannya yang strategik bagi kawasan itu.

Beliau memberitahu, dengan aclanya pusat seclेमikian di Bahrain ia akan membolehkan rakyat beberapa negara seperti Jordan, Arab Saudi, Iran dan Qatar untuk membeli-belah barangan Malaysia dengan lebih mudah lagi.

"Justeru itu, bukan sahaja ahli perniagaan Malaysia yang akan mendapat keuntungan bahkan juga rakyat negara tersebut akan memperoleh barangan berkualiti dengan harga yang berpatutan," ujar Ismail.

Menyentuh mengenai hubungan dagang antara Malaysia dengan Kuwait pula beliau berkata, pada tahun 2000 Malaysia mengeksport barangan bernilai kira-kira RM380 juta ke Kuwait berbanding dengan RM300 juta pada tahun 1999.

Katanya, di antara barangan eksport Malaysia ialah kayu bergergaji, tekstil, serta barangan elektrik dan elektronik manakala eksport Kuwait ke Malaysia pula ialah barangan yang berkaitan dengan industri petroleum negara seperti polimer.

Ismail memberitahu, eksport Malaysia ke Qatar pula adalah sebanyak RM53.85 juta pada tahun 2000.— Utusan